

Edisi 5 / 2017

Maklumat Terkini Pengguna 1GovUC Jun 2017

Pengguna Berdaftar
287,289

Pengguna Baharu
2,438

Kementerian
179

Agensi
19

TAHNIAH!

* Kementerian/Agensi Paling Aktif Bagi Bulan Mei 2017

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

PENGUMUMAN

Penambahbaikan dan fungsi baharu telah diperkenalkan melalui IPMS v2.1 untuk memudahkan pentadbir UC dan pengguna.

Inovasi *Self Service Portal* membolehkan pengguna menyemak dan mengemaskini profil tanpa melalui pentadbir UC. Sila layari <http://ipms.1govuc.gov.my/v2/> untuk mendaftar masuk.

Untuk maklumat terkini mengenai perkhidmatan sedia ada, sila layari [portal.1GovUC](http://portal.1govuc.gov.my) disini.

Pemenang dipilih berdasarkan peratusan pengguna aktif berbanding peratusan pengguna berdaftar.

1GovUC Online Poll Siri 4/2017

Terima kasih di atas maklum balas anda terhadap perkhidmatan 1GovUC melalui *Online Poll* Siri 4/2017. Sila layari portal 1GovUC atau klik pautan di sebelah untuk penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan.

Klik di sini



TAHUKAH ANDA?

Pasukan Meja Bantuan 1GovUC telah memperkenalkan aplikasi peranti mobil *SD Click* untuk kemudahan pentadbir UC membuat laporan, aduan atau permohonan ke Pasukan Meja Bantuan. Sila [klik di sini](#) untuk maklumat lanjut.

TECH TALK SIRI 1/2017

14 Jun 2017 (Rabu)
Dewan Serbaguna, Aras 3, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya



Bagi memastikan prestasi perkhidmatan 1GovUC selari dengan aliran perkembangan teknologi, satu Sesi *Tech Talk* Siri 1/2017 telah diadakan pada 14 Jun 2017 yang bertempat di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Daya usaha ini bertujuan untuk membincangkan maklumat terkini yang melibatkan tugas harian pentadbir UC. Beberapa perkhidmatan 1GovUC telah dikemaskini dengan fungsi-fungsi baharu iaitu aplikasi keselamatan, *IPMS v2.1* dan *SD Click*.



Topik-topik menarik telah dibentangkan oleh penceramah-penceramah jemputan untuk memaklumkan perkembangan terkini berkenaan perkhidmatan 1GovUC. Fungsi-fungsi baharu telah diperkenalkan kepada pentadbir UC bagi memudahkan pengurusan akaun pengguna.



Bagi menghargai komitmen dan kerjasama terhadap perkhidmatan 1GovUC, sijil penghargaan dan token telah diberikan kepada wakil Kementerian dan Agensi yang menggunakan aplikasi *Outlook* dan *SfB*. Pemenang dipilih berdasarkan penggunaan paling aktif untuk bulan Januari, Februari, Mac dan April 2017.

SUDUT TEKNOLOGI

Untuk melayari video temubual dan gambar program *Tech Talk*, sila klik di bawah.

Klip Video

Email Archive (pengarkibian e-mel) untuk storan e-mel yang penuh.

Dengan *email archive*, anda boleh mengurangkan storan e-mel anda tanpa perlu memadam e-mel tersebut. Anda boleh mengarkibkan e-mel dengan menggunakan kaedah arkib lokal (*Local archiving*). Untuk mengetahui cara-caranya, sila klik pautan di ikon *Microsoft Outlook* di bawah:



Konfigurasi 'Rekod Autodiscover' untuk 'Outlook disconnected'.

Bagi pengguna yang mengalami masalah 'Outlook disconnected', sila klik pautan di bawah untuk memuat turun 'Konfigurasi Rekod Autodiscover':

KONFIGURASI REKOD AUTODISCOVER

SUDUT KESELAMATAN

ADAKAH ANDA MENONTON FILEM YANG MEMPUNYAI SARI KATA?

AWAS! Fail sari kata boleh menggadam komputer anda ketika anda sedang menonton filem

~200 MILLION USERS

1 Penggadam menghasilan fail sari kata yang bertujuan untuk membahayakan komputer anda.

2 Penggadam memuat naik ke talian storan dan memanipulasikan ranking algoritma.

3 Pengguna turunkan sari kata yang bertujuan untuk membahayakan dari sumber yang dipercayai.

Sumber: <http://thehackernews.com/2017/05/movie-subtitles-malwares.html>

Saranan & Larangan

Tukar kata laluan e-mel pada tempoh yang disaranan.

Lock PC anda untuk mengelakkan daripada pencerooban dan kebocoran maklumat.

Menetapkan kata laluan fail .pst untuk *local archive*.

Mengemaskinikan perisian anti-virus.

Dilarang menggunakan akaun 1GovUC untuk kegunaan peribadi.

Dilarang membuka e-mel yang mencurigakan.

Dilarang muat turun aplikasi yang tidak berkaitan dengan kerja di dalam komputer.

Dilarang berkongsi kerahsiaan kata laluan e-mel.

UJIAN MINDA

Menangi hadiah misteri dengan menjawab soalan-soalan dibawah:

1 Berapakah jumlah binatang yang terdapat di dalam gambar di bawah?



2 Namakan aplikasi baharu yang diperkenalkan ke dalam perkhidmatan 1GovUC kepada pentadbir UC?

Hantar jawapan ke cmteam_feedback@1govuc.gov.my.
Tarikh tutup untuk menghantar jawapan adalah pada 31 Julai 2017.
10 peserta terawal yang menjawab dengan betul akan diberikan hadiah.
Pemenang akan dihubungi bagi tujuan penghantaran hadiah.

- Hazliana binti Talha**
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
- Jumilah Abdul Rahman**
Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan
- Azhar bin Mustaffa**
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Nur Izzam bte Che Mat**
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- Mohammad Asdwandi bin Mohammad Said**
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
- Christy Alexander**
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Siti Hadijah Hamdan**
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Sharlene Hong Xiao Yun**
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Noorsyahmum binti Muhd Noor**
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus
- Ani Khairiah binti Arudin**
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berikut adalah senarai pemenang yang telah berjaya menjawab soalan belit-belit akal dalam edisi 4/2017.